



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**09 Januari 2023
16 Jamadilakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Bot nelayan jual minyak di tengah laut
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		
				14	09/01/2023

Tiada lagi aktiviti tangkap ikan, bahan bersubsidi dijual sehingga RM4 seliter

Bot nelayan jual minyak di tengah laut

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

LANGKAWI — Sebilangan bot nelayan tempatan kini telah mengubah aktiviti mereka di tengah laut daripada merangkap ikan kepada urus niaga haram dengan menjual minyak diesel bersubsidi kepada warga asing.

Modus operandi itu mula dikesan sejak tiga bulan lalu susulan permintaan tinggi bahan bersubsidi berkenaan terutama dalam kalangan penyeludup warga Thailand.

Kegiatan penyeludupan itu dipercayai didalangi sesetengah pengusaha bot Kelas C dengan setiap nelayan yang terlibat memerlukan upah sebanyak RM100 bagi setiap tugas.

Kadar bayaran itu sama dengan upah turun ke laut bagi menangkap ikan.

Pengusaha bot disyaki melakukan kegiatan tersebut bagi mendapatkan wang mudah dengan menjual diesel bersubsidi yang diperoleh pada harga kira-kira RM1.67 seliter kepada warga Thailand pada harga RM4 seliter.

Difahamkan, diesel bersubsidi yang dibeli berkenaan bukan hanya untuk pasaran Thailand, tetapi turut dijual semula kepada



ROMLI (kanan) menunjukkan tangki yang diubah suai di dalam bot nelayan bagi melakukan aktiviti penyeludupan minyak diesel bersubsidi di Kangar baru-baru ini.

penyeludup dari Myanmar pada harga antara RM6 hingga RM7 seliter.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Romli Mustafa berkata, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bagaimanapun berjaya membongkar kegiatan yang menyalah undang-undang itu sejak Oktober lalu.

"Kegiatan penyeludupan ini memang licik kerana mereka berselindung di sebalik

aktiviti menangkap dan menggunakan bot nelayan seperti biasa.

"Namun, kita berjaya menghindari kegiatan haram tersebut apabila menemui pengubahsuaiannya serta tambahan tangki yang dibuat pada bot disyaki untuk tujuan penyeludupan," katanya ketika ditemui Kosmo! di Ibu Pejabat Maritim Negeri Kedah dan Perlis di Jalan Bukit Malut, di sini baru-baru ini.

Kata beliau, bot nelayan terlibat disyaki akan mengambil minyak subsidi itu di jeti yang dilesenkan dan turun ke laut dengan peralatan seadanya kebiasaannya pada sebelah petang.

"Menjelang pukul 11 malam ke atas, bot akan belayar berdekatan sempadan perairan negara dengan tekong atau ejen akan menghubungi orang tengah bagi menunggu di sempadan."

"Bot itu kemudian akan memasuki perairan negara jiran bagi mengelak penguat kuasa mengejar kegiatan tersebut sebelum bot dari negara jiran akan meraup sebelum operasi pindah minyak terus dilakukan," ujarnya.

Katanya, kerja-kerja pemindahan minyak dipercayai mengambil masa antara sejam hingga sejam setengah bergantung kepada jumlah minyak dipindahkan se-

belum bot akan masuk semula ke perairan Malaysia dan pulang ke jeti.

Menurutnya, hasil pemerhatian mendapat peralatan menangkap ikan pada bot terlibat seperti papan tunda telah berkarat seperti sudah lama tidak digunakan.

"Begitu juga pukat yang mana ia didapati kering, sekali gus menunjukkan nelayan berkenaan tidak menjalankan aktiviti menangkap ikan," jelasnya.

Sementara itu, kata beliau, berdasarkan maklumat risikan dan hasil siasatan ke atas tangkap bot minyak itu, kegiatan tersebut didapati semakin serius dan membimbangkan.


"APMM mencatat sebanyak tujuh kes tangkapannya berkaitan kegiatan penyeludupan diesel di perairan Kedah dan Perlis sejak Oktober lalu yang mana tiada kes seumpama ini berlaku pada tahun lalu."

"Jumlah keseluruhan diesel yang dirampas adalah sebanyak 47,950 liter iaitu bernilai kira-kira RM191,800 mengikut harga diesel industri," katanya.

Jelasnya lagi, nelayan yang ditahan terdiri daripada warga tempatan, Thailand, dan Kembaljo berusia antara 25 hingga 50 tahun.

Tambahnya, siasatan kesalahan penyeludupan diesel dilakukan di bawah Seksyen 20 dan 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu menyimpan barang-barang kawalan tanpa kebenaran yang sah.

"Siasatan juga dijalankan di bawah Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat dalam lesen yang dikeluarkan iaitu mengubah suai struktur simpanan bahan api tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," jelas Romli.



ROMLI